



DIIKTIRAF...Dr Roslan menerima cek serta cenderahati bagi pihak Gillian yang disampaikan oleh Peter Chin.

KLIUC masyhur

Terima Anugerah Tesis Terbaik Sumber Air 2011

>>Oleh Shuhada Mansor

darmansor@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR
Infrastructure University
College (KLIUC) terus
mengatur langkah untuk
menjadi institusi pengajian
tinggi terkemuka apabila
menerima Anugerah Tesis
Terbaik Sumber Air dan
Hidrologi 2011 yang diraih
pelajarnya sempena Hari Air
Sedunia 2012 di Dataran
Pinggiran Sungai Kerian, Parit
Buntar, Perak baru-baru ini.

Pertandingan anjuran
UNESCO-IHP Malaysia,
Jabatan Pengairan dan
Saliran serta UNESCO - Pusat
Serantau Tropika Lembap
Kuala Lumpur itu menobatkan
R Gillian Eve sebagai
pemenang utama.

Tesis peringkat ijazah
sarjana muda dihasilkan
Gillian bertajuk 'Merawat
Menggunakan Tumbuhan'
berjaya mengeneipkan 44
tesis penuntut institut
pendidikan tinggi kerajaan
dan swasta lain.

Tesis itu dicalonkan panel
akademik pada sesi
pengadilan di Pusat Serantau
Tropika Lembap Kuala Lumpur
pada 22 Februari lalu.

Anugerah disampaikan
Menteri Tenaga, Teknologi

Hijau Dan Air Malaysia, Datuk
Seri Peter Chin Fah Kui
kepada Timbalan Presiden 1
KLIUC, Prof Dr Roslan Zainal
Abidin mewakili Gillian yang
kini melanjutkan pelajaran
Ijazah Sarjana Kejuruteraan
(Awam) di Edith Cowan
University, Australia.

Turut hadir pada majlis itu,
Menteri Sumber Asli Dan
Alam Sekitar, Datuk Seri
Douglas Unggah Embas.

Anugerah itu secara tidak
langsung membuktikan tahap
pencapaian pendidikan di
KLIUC yang membanggakan.

Bagi pelajar yang ingin
menyambung pelajaran di
KLIUC, sesi pengambilan Jun
sedang dijalankan dengan
menawarkan pelbagai
program profesional di
Sekolah Teknologi
Infrastruktur KLIUC termasuk
Kejuruteraan Awam,
Kejuruteraan Elektrik dan
Elektronik, Kejuruteraan
Mekanikal, Kejuruteraan
Automotif, Pengurusan
Binaan, Air dan Air sisa, Seni
bina Landskap, Ukur Bahan,
Geomatik serta Pengurusan
Hartanah.

Bagi penuntut yang
cemerlang dengan
pencapaian CGPA 3.75 ke
atas, mereka diberi
dikecualikan yuran pengajian

sehingga 60 peratus
manakala CGPA antara 3.5
dan 3.75, pengecualian 30
peratus.

Tahun ini KLIUC turut
menawarkan pengecualian
yuran pengajian dalam bentuk
biasiswa kepada pelajar
cemerlang lepasan SPM, UEC
dan STPM.

Mereka yang berminat boleh
datang ke bahagian
pemasaran KLIUC setiap Isnin
hingga Jumaat dari jam 9
pagi hingga 5 petang dengan
membawa bersama sijil
akademik berserta wang
pemrosesan RM50 untuk
permohonan segera.

Bagi yang tidak
berkesempatan hadir, borang
permohonan boleh didapati
di laman web KLIUC
www.kliuc.edu.my atau
hubungi 03-8926 6993 atau
019-388 3435 (tempatan)
dan 03-8738 3339
(antarabangsa).

Pertanyaan lanjut, e-mel ke
inquiry@kliuc.edu.my atau
datang ke bahagian
pemasaran dan komunikasi,
Blok Korporat, Unipark Suria,
Jalan Ikram- Uniter, 43000
Kajang, Selangor atau ikuti
KLIUC di laman sosial
[facebook.com/KLIUC.Education](https://www.facebook.com/KLIUC.Education)
serta laman twitter di
twitter.com/KLIUC_Education.